

Headline **Berhibur sambil menderma**
Date **16. Jan 2009**
Media Title **Harian Metro**
Section **Rap**
Circulation **336603**
Readership **2192000**

Language **MALAY**
Page No **R18, R19**
Article Size **584** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue **12568.08**



Berhibur sambil menderma

>>Oleh Rudy Imran
Shamsudin

imran@hmetro.com.my

BERHIBUR sambil menderma antara usaha terbaru stesen radio Suria FM bagi membantu pihak memerlukan menerusi jelajah promosi diadakan seluruh negara.

Penyanyi yang tampil di acara promosi bergerak yang bermula jam 8 hingga 10 malam, 17 Januari ini, di Mydin USJ Subang Jaya, Selangor akan melelong barangan peribadi bagi mengisi tabung kebajikan yang ditubuhkan.

Selain itu stesen yang kini dikenali dengan jenama 'Muzik Terbaik Tanpa Henti' turut merancang mengadakan program itu secara berterusan apabila menjelajah ke Kuantan, Pahang; Sungai Petani, Kedah; Taiping, Perak dan Kuala Terengganu, Terengganu.

Segala kutipan bakal diserahkan kepada Pusat Perlindungan Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/Aids Nurul Iman Malaysia (PERNIM) dan Rumah Nursalam yang me-



TURUT MENJAYAKAN... barisan penyanyi muda (dari kiri) Nubhan, Dafi, Nikki, Diana dan Imran Ajmain bersama barangan peribadi yang mahu dilelong

nempatkan anak-anak terbiar di Jalan Chow Kit.

Di majlis sidang akhbar bagi mengumumkan promosi diadakan, Ketua Pegawai Operasi Suria FM, Engku Emran Engku Zainal Abidin berkata tahun ini pihaknya mahu menjadikan acara promosi lebih bermakna dengan menerapkan nilai murni kepada pendengar setia mereka.

"Objektif utama kami adalah untuk menimbulkan kesedaran bahawa di sini masih ramai pihak kurang bemaslah baik memerlukan bantuan.

"Artis menjayakan program ini pula boleh dianggap cermin kepada peminat mereka. Diharapkan usaha kecil ini akan menjadi ikutan dan sekali gus membentuk satu publisiti positif dalam usaha Suria FM meningkatkan jumlah pendengar," katanya.

Menjelaskan mengenai pemilihan dua rumah kebajikan ini, kata Emran memandangkan acara sedemikian pertama kali dilakukan Suria FM, pihaknya cuba mencari rumah kebajikan yang sudah diketahui ramai tetapi masih memerlukan pertolongan

Suria FM bantu pihak memerlukan menerusi jelajah promosi seluruh negara


secara berterusan.

"Pemilihan rumah kebajikan PERNIM dan Nusalam dalam program ini diharapkan dapat memperkenalkan kepada umum agar bantuan diterima berterusan.

"Ini usaha pertama Suria FM. Sekiranya berjaya kami akan meneruskannya dengan memilih rumah kebajikan lain yang tidak dikenali dan amat memerlukan bantuan," katanya lagi.

Sementara itu Dipertua PERNIM, Norlina Alawi amat mengalu-alukan usaha dilakukan Suria FM, dan amat berbesar hati apabila rumah kebajikan ditubuhkan mendapat perhatian stesen radio itu.

"Memang tidak dinafikan banyak lagi bantuan diperlukan rumah kebajikan PERNIM. Untuk pengetahuan umum pihak saya kini mempunyai tiga buah rumah yang bukan saja menempatkan anak-anak pengidap penyakit Aids tetapi sekarang penghuninya terdiri daripada anak yatim, ibu tunggal dan juga kanak-kanak istimewa (cacat anggota).



ff

Objektif utama kami adalah untuk menimbulkan kesedaran bahawa di sini masih ramai pihak kurang bernasib baik memerlukan bantuan"

**>Engku Emran
Engku Zainal Abidin
Ketua Pegawai Operasi
Suria FM**

"Untuk anak-anak pengidap penyanyi HIV, belanja diperlukan agak besar seperti menyediakan makanan tambahan dan susu khas. Sementara anak istimewa ini memerlukan kerusi roda.

"Selain itu kebajikan anak-anak penting dari sudut pendidikan mereka. Sebelum ini ada anak-anak yang datang ke rumah PERNIM tidak tahu membaca, tetapi syukur selepas setahun bersama saya mereka sudah bijak dan ada antaranya cemerlang dalam pelajaran.

"Pada saya itu lebih penting tetapi dalam menyediakan pendidikan untuk mereka dan tenaga pengajar turut memerlukan kos tinggi. Dalam waktu sama saya bertuah apabila ada tenaga pengajar yang datang membantu tidak mengenakan jumlah bayaran tinggi," katanya.

Pengasas dan Pengarah Eksekutif Rumah Nusalam, Suhaimi Abdul Latif pula berkata selain menyediakan keperluan diperlukan anak-anak yang terbiar di Jalan Chow Kit ini, mereka memerlukan pakar kaunseling untuk

mendidik dan memberikan penerangan membabitkan hal yang diperlukan.

"Selalunya tenaga pengajar yang ada ini bekerja secara sukarela dan tidak tetap, sedangkan perhatian dan pengajaran harus dilakukan secara berterusan. Bagi mendapatkan tenaga pengajar tetap ini memerlukan kos, dan bantuan bakal diterima daripada usaha Suria FM ini diharapkan dapat meringankan beban," katanya.

Antara artis yang sudah mengesahkan penyertaan mereka untuk menjayakan program ini seperti Dafi, Danyang Nurfaizah, Diana Danielle, Imran Ajmain, Farah Asyikin, Erra Fazira, Liyana Jasmay, Nubhan dan Nikki.

Kebanyakan daripada mereka memilih pakaian yang pernah digayakan untuk dilelong kepada peminat bertuah, mengambil contoh Imran Ajmain mahu menjual kain songket yang digunakan pada Aidilfitri lalu. Nikki dan Dafi pula mahu melelong pakaian sementara Nubhan memilih menjual kasut, jaket dan topi milik peribadinya.